

194

SOALAN NO: 273

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : Bertulis**

**DARIPADA : Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]**

**SOALAN : Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan statistik sumbangan sub-sektor perikanan Pulau Pinang bagi tahun 2005 hingga 2017.**

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Sumbangan pengeluaran bagi sub-sektor perikanan untuk negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 hingga 2016 adalah seperti jadual di bawah.

### Pengeluaran sub-sektor perikanan (MT)

<b>Tahun</b>	<b>Pulau Pinang (MT)</b>	<b>Malaysia (MT)</b>	<b>Sumbangan (%)</b>
2005	65,205.2	1,416,820.7	4.6
2006	77,545.0	1,591,795.0	4.9
2007	90,125.0	1,650,659.0	5.5
2008	72,784.2	2,064,740.6	3.5
2009	71,822.7	2,162,095.8	3.3
2010	162,213.5	2,329,914.4	7.0
2011	103,492.8	1,905,305.7	5.4
2012	92,105.8	2,111,657.0	4.4
2013	41,077.0	2,018,745.4	2.0
2014	68,081.9	1,985,162.7	3.4
2015	59,475.5	1,998,369.0	3.0
2016	87,283.1	1,988,414.3	4.4

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
[BUKIT BENDERA]**

**SOALAN :**

**YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik gaji purata dan penengah mengikut jantina dan pencapaian pendidikan bagi pekerja di Pulau Pinang.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perangkaan Malaysia melaksanakan Penyiasatan Gaji & Upah (PG&U) melalui pendekatan isi rumah bagi mendapatkan maklumat berkaitan indikator utama gaji & upah bulanan pekerja bergaji daripada pekerjaan utama di peringkat nasional. Penyiasatan ini dijalankan menggunakan kaedah temu ramah bersemuka meliputi warganegara dan bukan warganegara di kawasan bandar dan luar bandar setiap negeri di Malaysia.

Penyiasatan Gaji & Upah (PG&U) dilaksanakan secara tahunan bermula 2010. Penengah dan purata gaji & upah merujuk kepada gaji pokok, elaun-elaun tetap yang diterima dan bayaran kerja lebih masa.

Berdasarkan maklumat tersebut, penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja bagi Malaysia dan negeri Pulau Pinang dan 2016 adalah seperti berikut:

198

**Jadual 1: Penengah dan purata gaji & upah bulanan pekerja bagi  
Malaysia dan negeri Pulau Pinang 2016**

(RM)

Pencapaian Pendidikan	2016			
	Malaysia		Pulau Pinang	
	Penengah	Purata	Penengah	Purata
Jumlah	1,703	2,463	1,800	2,434

Sumber: Penyiasatan Gaji & Upah, Jabatan Perangkaan Malaysia

Sekian, terima kasih.

23 November 2017